 3. Mencadangkan lantikan pengawal lalu lintas sekolah kepada PGB.
 4. Mendapatkan kerjasama pihak polis untuk mengawal keselamatan (jika perlu).
 5. Merancang dan melaksanakan program keselamatan.
 6. Mengadakan latihan mengosongkan bangunan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.
 7. Memastikan pelan laluan keselamatan dan peraturan keselamatan bilik-bilik khas ditampal di bilik darjah dan di dalam buku latihan murid.
 8. Memastikan peralatan alat pemadam api berada di tempat sepatutnya serta memaklum pada pentadbir jika sudah menghampiri tarikh luput.
 9. Meletakkan tanda amaran 'BAHAYA' di tempat-tempat yang berbahaya.
 10. Merancang pergerakan lalu lintas dan tempat letak kenderaan pada masa majlis rasmi sekolah.
 11. Menetapkan laluan tertentu untuk murid bagi mengelakkan kesesakan.
 12. Melaporkan sebarang kerosakan suis, alat elektrik dan pendawaian kepada pentadbir.
 13. Memaklumkan dengan segera kepada ibu bapa jika berlaku sekolah dicutikan kerana kecemasan, kebakaran dan bencana melalui platform komunikasi dan Internet yang ada.
1. Mengisi Sistem Penarafan Keselamatan Sekolah (SPKS).

KESELAMATAN DIRI MURID

1. Mendapatkan kerjasama dari pihak polis dan ibu bapa untuk membuat rondaan di kawasan-kawasan yang difikirkan berisiko dari segi keselamatan.
2. Memastikan kebersihan semak samun kawasan, laluan dan jalan yang digunakan seharian oleh murid-murid supaya lebih terbuka dan selamat.
3. Mempamerkan poster atau peraturan mengenai keselamatan bagi meningkatkan kepekaan dan kesedaran murid tentang pentingnya amalan dan sikap sentiasa berhati-hati dan berwaspada apabila dalam perjalanan pergi dan balik sekolah.
4. Menggalakkan murid agar sentiasa berkumpul khususnya ketika pergi dan balik dari sekolah dan melarang murid-murid berseorangan khususnya ketika berada di tempat-tempat sunyi dan terselindung tanpa pengetahuan sesiapa.
5. Menggunakan apa sahaja ruang, seperti perhimpunan mingguan, pemakluman oleh guru tingkatan, guru darjah dan warden asrama, mesyuarat staf, mesyuarat pengawas dan seumpamanya, bagi memperingatkan semua warga sekolah tentang pentingnya menjaga keselamatan dan kebajikan diri masing-masing.
6. Bekerjasama dalam merancang aktiviti bersama-sama dengan Kelab Pencegahan Jenayah yang ditubuhkan di sekolah.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

KESELAMATAN BANGUNAN DAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

1. Memastikan semua pendawaian di bangunan sekolah berfungsi dengan baiknya dan berada dalam keadaan selamat dengan merujuk kepada pihak JKR dan Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri.
2. Memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk menggantikan pendawaian telah melebihi jangka masa piawaian pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).
3. Memastikan sistem dan alat pencegahan kebakaran seperti pili bomba, pemadam api (*fire extinguisher*), dan alat pencegah kebakaran automatik/manual sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
4. Mengadakan ceramah dan pameran bomba.
5. Mengadakan aktiviti *fire drill* di sekolah dengan melibatkan semua murid, guru-guru, dan semua kakitangan sekolah.
6. Mengadakan demonstrasi memadam kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api (*fire extinguisher*).
7. Mengadakan hari/minggu pencegahan kebakaran di sekolah.
8. Menyediakan pelan keselamatan kebakaran di sekolah.

PROGRAM SEKOLAH SELAMAT

1. Memberikan pendedahan kepada semua warga sekolah mengenai maksud dan tujuan Program Sekolah Selamat ini diadakan.
2. Mengadakan sesi taklimat kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta komuniti setempat yang boleh membantu mempertingkatkan keselamatan di sekolah melalui Program Sekolah Selamat.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

UNIT DAFTAR / TUKAR / BERHENTI (APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM), DAFTAR RENDAH, DAFTAR MENENGAH)

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Siti Noruhaida binti Dahari	APDM
SETIAUSAHA	Norfashafarah binti Razali	Daftar Rendah
AHLI JAWATANKUASA	Azlina binti A. Aziz	Daftar Menengah
	Mashithah binti Awang	Tahun 1

BIDANG TUGAS

PENDAFTARAN, PERTUKARAN DAN BERHENTI SEKOLAH

1. Mengurus pendaftaran merangkumi proses pemakluman permohonan, pengesahan, penerimaan borang penempatan dan pengurusan data murid.
2. Mengurus pendaftaran murid dari sekolah bukan kerajaan/swasta/persendirian atau bukan warganegara yang telah mendapat kelulusan penempatan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.
3. Mendaftar maklumat murid ke dalam Buku Kemasukan Sekolah.
4. Memastikan setiap murid mendapat nombor daftar sekolah.
5. Mengemaskinikan data murid melalui Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) dan memasukkan nombor daftar sekolah.
6. Menyemak dan mengumpulkan semua maklumat murid berkaitan SPBT, kebajikan dan bantuan.
7. Mengurus pertukaran murid merangkumi proses pengisian dan penyerahan borang pertukaran kepada ibu bapa/penjaga untuk diserahkan ke PPD.
8. Mengumpulkan semula borang pertukaran yang telah diluluskan oleh PPD.
9. Mengurus murid yang memohon berhenti atau tamat sekolah rendah merangkumi proses permohonan, penyerahan fail murid dan juga pengeluaran sijil berhenti murid.
10. Mendapatkan pengesahan akuan bebas hutang bagi murid yang memohon berhenti sekolah dan berpindah keluar.
11. Mengurus nama murid yang bertukar dan berhenti sekolah dalam APDM dengan bantuan Guru Admin APDM.
12. Bekerjasama dengan agensi luar KPM dalam urusan berkaitan pendaftaran murid cicir.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

UNIT BANTUAN DAN KEBAJIKAN (RMT / PSS / BAP / KWAPM / DERMA)

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Nor Kamilah binti Che Pa	
SETIAUSAHA	Amalina binti Mohd Nawawi	
AHLI JAWATANKUASA	Nur Fatimah binti Abu Bakar	
	Aina Nabilah binti Muhamad Khalim	
	Norhayati binti Abidin	

BIDANG TUGAS

RMT & PSS

- Nur Fatimah binti Abu Bakar (K)
- Nor Kamilah binti Che Pa (S/U)
- Amalina binti Mohd Nawawi

BAP/ KWAPM / DERMA

- Nor Kamilah binti Che Pa (K)
- Norhayati binti Abidin
- Aina Nabilah binti Muhamad Khalim

Perancangan Aktiviti:

A. RMT / PSS:

- Pemprosesan borang PB1 & PB2
- Pelaksanaan rutin RMT/PSS

B. BAP/KWAPM/DERMA :

- Tabung Sumbangan
- Program Kebajikan

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

BANTUAN DAN KEBAJIKAN TUGAS UMUM JAWATANKUASA

1. Merancang dan mengadakan projek untuk mengisi Tabung Kebajikan.
2. Mengenal pasti murid-murid yang memerlukan bantuan kebajikan.
3. Menyediakan borang permohonan, mengumpul dan membuat keputusan melalui mesyuarat.
4. Mengeluarkan bantuan dalam bentuk wang, pakaian, peralatan dan lain-lain.
5. Mengurus agihan derma dan bantuan dalam/luar dari semasa ke semasa.
6. Melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh PGB/pentadbir dari semasa ke semasa.

BANTUAN KEWANGAN

1. Memilih dan memperakukan murid yang layak untuk bantuan berbentuk kewangan.
2. Menyediakan minit mesyuarat yang lengkap mengandungi maklumat bagi tujuan auditan dan pemantauan seperti berikut:
3. Senarai nama murid yang membuat permohonan.
4. Senarai nama murid yang diperakukan oleh jawatankuasa.
5. Senarai nama murid yang tidak diperakukan bersama justifikasi penolakan.
6. Menentukan bayaran bantuan kewangan sama ada dimasukkan ke akaun murid, wang tunai, cek atau pemberian dalam bentuk barangan.
7. Memastikan urusan terimaan dan bayaran dibuat mengikut Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah/Akaun Khas.
8. Melaporkan kepada Bahagian Kewangan, KPM sekiranya terdapat keraguan pada senarai penerima Data Sedia Ada (DSA) dan status Miskin/Miskin Tegar murid yang tersenarai dalam eKASIH dan Data Murid Orang Asal (DMOA).

BANTUAN PAKAIAN SERAGAM (BPS)

1. Menerima peruntukan BPS dan mengakaunkan jumlah yang diterima di bawah lajur Bantuan Persekolahan Lain (BPL) dalam Buku Tunai Kumpulan Wang Kerajaan (KWK).
2. Menyelenggarakan Akaun Subsidiari BPS.
3. Menyediakan laporan prestasi perbelanjaan BPS secara berkala kepada JPN.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

BANTUAN MAKANAN (RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DAN PROGRAM SUSU SEKOLAH)

1. Memilih dan menyediakan senarai nama murid yang layak menerima bantuan berdasarkan permohonan melalui pengisian Borang Permohonan Bantuan Persekolahan KPM.
2. Menyiapkan dokumen pelaksanaan program (kehadiran, rekod perkembangan fizikal, buku log dan sebagainya) dan laporan berhubung kualiti dan kuantiti makanan serta taraf kebersihan tempat penyediaan makanan seperti yang dinyatakan dalam buku panduan pengurusan program.
3. Membimbing pembekal makanan dalam kaedah penyediaan menu makanan yang ditentukan oleh pihak sekolah supaya menepati kualiti dan kuantiti yang ditetapkan.
4. Menyiapkan Jadual Tugas Harian guru-guru.
5. Memantau dan memastikan agihan bantuan makanan murid mencukupi mengikut jumlah penerima.
6. Membuat laporan dan analisa mengikut garis panduan yang diberikan.

SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA

KPM telah melantik Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad melaksanakan Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) untuk memberikan kemudahan kepada murid sekolah di seluruh Malaysia menuntut takaful perlindungan sekiranya berlaku kemalangan di luar jangkaan.

Tatacara membuat tuntutan:

1. Notis Pemberitahuan Kemalangan/Tuntutan mestilah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan.
2. Pihak sekolah/ibu bapa/murid/waris boleh mengemukakan tuntutan terus ke Unit Tuntutan TPSM, Ibu Pejabat, cawangan Takaful Malaysia yang berdekatan melalui pengesahan sekolah dengan menggunakan Borang Tuntutan TPSM.
3. Borang tuntutan hendaklah diisi oleh sekolah berkenaan dengan membuat pengesahan dan perakuan daripada PGB atau GPK HEM.
4. PGB hendaklah memastikan bahawa:
 - a. Murid yang menuntut ialah murid yang sah dan berdaftar di sekolah berkenaan.
 - b. Tuntutan yang dibuat benar-benar berada bawah skop perlindungan yang dinyatakan.
1. Borang tuntutan hendaklah diisi dengan betulnya dan tepatnya.
2. Semua borang mestilah ditandatangani oleh PGB atau GPK HEM.
3. Bayaran manfaat tuntutan akan dimasukkan ke dalam akaun bank penerima.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

JADUAL BERTUGAS GURU RMT

BIL	GURU BERTUGAS	MINGGU													
		1	4	7	10	13	16	19	22	25	28	31	34	37	40
1	Nur Fatihah														
2	Amalina														
3	Nor Kamilah														

LOKASI	SKOP TUGAS SETIAP MINGGU
PONDOK RMT	<ul style="list-style-type: none"> Mengawal selia Program Susu Sekolah (PSS) setiap pagi. Memantau pergerakan kad dan susu yang dikendalikan oleh murid bertugas. Merekod kehadiran murid berdasarkan keberadaan kad RMT di papan kenyataan RMT
KANTIN	<ul style="list-style-type: none"> Mengawal selia RMT. Pastikan murid turun seawal jam 10 pagi. (10 minit awal) Guru perlu merasa makanan RMT terlebih dahulu untuk tindakan selanjutnya. Membudayakan adab makan yang betul. Mengisi buku laporan RMT (Link JPN)

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

UNIT KANTIN

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Siti Noruhaida binti Dahari	
SETIAUSAHA	Muhamad Azman bin Azahar	
AHLI JAWATANKUASA	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak	

BIDANG TUGAS

KANTIN

1. Bertanggungjawab dan bekerjasama dengan JK Pengurusan 3K (JR18) dalam mengurus hal-hal yang berkaitan dengan kebersihan, kesihatan dan keselamatan.
2. Bertanggungjawab memastikan kantin dan kawasan luarnya dalam keadaan bersih, tidak berbau, cantik, selesa, selamat dan sentiasa diurus. Sistem pembuangan sampah perlu diselia selalu.
3. Memastikan kemudahan-kemudahan di kantin seperti tempat membasuh tangan dan tong sampah serta lain-lain alat kelengkapan yang digunakan perlu ditinjau dari segi kebersihan, keselamatan dan kegunaannya dari semasa ke semasa.
4. Memastikan pihak kantin menyediakan makanan dan minuman halal mengikut menu dan harga seperti dalam surat perjanjian. Senarai makanan dan minuman serta harganya hendaklah dipamerkan.
5. Memastikan pengusaha kantin akur dengan pekeliling dan panduan Kementerian Kesihatan berkaitan dengan pengurusan kantin sekolah.
6. Memastikan pekerja kantin menjaga kebersihan dirinya dan mengelakkan amalan-amalan yang boleh yang menyebabkan kekotoran atau pencemaran bahan-bahan makanan dan minuman.
7. Memastikan makanan yang dijual di kantin mestilah bersih, bermutu, berzat, selamat untuk dimakan dan harganya berpatutan.
8. Memastikan alat-alat ataupun perkakas-perkakas yang digunakan, seperti pinggan mangkuk sentiasa dalam keadaan bersih.
9. Memastikan pengusaha/pengendali makanan memasak makanan di dalam kawasan sekolah.
10. Memastikan makanan bermasak yang disediakan tidak dimasak tidak melebihi empat (4) jam.
11. Mengadakan kempen kesedaran mengenai kebersihan makanan dan kebersihan premis makanan.
12. Bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan bagi usaha-usaha peningkatan dan menggalakkan kebersihan dan kesihatan.
13. Mengurus sebut harga dan Perjanjian Penyewaan dan Pengurusan Kantin Sekolah bagi memastikan kantin dapat beroperasi.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

UNIT KEDAI BUKU

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Noredayati binti Mohd Shariff	
SETIAUSAHA	Siti Nabila binti Azman	
AHLI JAWATANKUASA	Norhayati binti Abidin	

UNIT SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Erma Surianni binti Ramli	
SETIAUSAHA	Aini Fazilah binti Abu Bakar	
AHLI JAWATANKUASA	Azlina binti A. Aziz	

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)

1. Mengemaskinikan Bilik Buku SPBT Sekolah (BOSS).
2. Menyemak penyata berkomputer yang sampai bersama bekalan buku untuk tindakan selanjutnya jika ada masalah.
3. Menerima dan memproses buku daripada pembekal.
4. Mengagihkan buku kepada murid pada minggu pertama persekolahan.
5. Mengagihkan borang G kepada guru untuk dilengkapi dan disimpan oleh GPK HEM.
6. Menyediakan senarai hapus kira untuk dihantar kepada semua murid dari semasa ke semasa.
7. Mengadakan pemeriksaan Buku Teks mengejut kepada semua murid dari semasa ke semasa.
8. Melantik Pembantu SPBT di kalangan murid Tahap 2.
9. Memastikan bilik BOSS sentiasa kemas dan bersih serta semua buku tersusun mengikut mata pelajaran.
10. Memproses permohonan SPBT dan memberikan kelulusan sama ada layak atau tidak.
11. Bermesyuarat bersama Penyelaras Tahun apabila diperlukan.
12. Penyelaras Tahun perlu membuat senarai semak kelayakan dan selesai seminggu dari tarikh Panel Kelayakan bersesi.
13. Penyelaras Tahun membantu Penyelaras SPBT mengedarkan surat pemberitahuan kelayakan.
14. Memastikan Guru Kelas melaksanakan tugas seperti berikut:
 - a. Bekerjasama dengan Penyelaras SPBT dalam pelaksanaan dan pengurusan SPBT.
 - b. Mengedar, mengumpul dan menyemak Borang Kelayakan Murid (Borang SPBT1) sebelum diserahkan kepada Penyelaras Tahun.
 - c. Menyediakan senarai nama layak dan tidak layak menerima SPBT.
 - d. Bertanggungjawab mengagihkan dan mengumpulkan semua Buku Teks dari murid.
 - e. Mengisi Borang SPBT G dan mendapatkan pengesahan penerimaan dan pemulangan buku teks dari murid.
 - f. Memastikan murid menggantikan buku teks yang hilang/rosak oleh murid-murid.
 - g. Memastikan buku teks di tangan murid dijaga dengan baik.
 - h. Memastikan murid melengkapkan maklumat diri mereka pada ruang yang disediakan pada cap SPBT.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

UNIT BIMBINGAN & KAUNSELING

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwat Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Aina Nabilah binti Muhamad Khalim	
AHLI JAWATANKUASA	Siti Nabila binti Azman Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi	

BIDANG TUGAS

UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING

1. Merancang dan menyelaraskan program bimbingan dan kaunseling bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling (HR22/HR23).
2. Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berfokus kepada program dan
3. aktiviti berikut:
 - a. Pembangunan dan pengembangan sahsiah murid
 - b. Peningkatan disiplin diri murid.
 - c. Pengurusan kerjaya murid.
 - d. Psikososial dan kesejahteraan mental murid.
1. Menyelaraskan dan menyelia rekod bimbingan dan kaunseling murid dan menyediakan laporan yang diperlukan.
 1. Menganjurkan ceramah-ceramah kerjaya untuk semua murid.
 2. Merancang dan menyelaraskan program PRS.
 3. Bersedia membimbing murid-murid dalam memilih kerjaya mereka.
 4. Menjalankan program motivasi untuk murid.
 5. Menjalankan program teknik menjawab soalan peperiksaan.
 6. Memberikan khidmat kaunseling yang sewajarnya kepada murid-murid bermasalah disiplin yang dirujuk kepadanya.
 7. Mengadakan kaunseling individu dan kelompok kepada murid-murid yang memerlukannya.
 8. Menyusun atur dan melaksanakan program terancang sepanjang tahun dalam membantu sekolah membangunkan akademik, kokurikulum dan disiplin murid.
 9. Merancang dan melaksanakan aktiviti amalan penyayang antara guru dan murid seperti aktiviti yang berikut:
 - a. Mengalu-alukan kehadiran murid.
 - b. Memberikan penghargaan kepada murid.
 - c. Program mentor mentee.
 - d. Ziarah Cakna.
 1. Melaksanakan konsep penyayang sepanjang masa sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.
 2. Membuat analisa setiap bulan bagi menilai impak pelaksanaannya.
 3. Melibatkan pihak luar seperti ibu bapa, komuniti dan masyarakat setempat.

JAWATANKUASA UNIT HAL EHWAL MURID SESI 2026

UNIT iSTAPP

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
KETUA	Norhafizah binti Mohd Yusof	
AHLI JAWATANKUASA	Nor Azira binti Ismail	
	Muhamad Azman bin Azahar	

BIDANG TUGAS

1. Menyelaras program lawatan sekolah secara berpusat.
2. Membuat permohonan lawatan yang ingin dibuat ke dalam sistem iSTAPP
3. Memastikan lawatan yang ingin dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan

CARTA GANTT HEM 2026

BIL	AKTIVITI / PROGRAM	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGS	SEP	OKT	NOV	DIS
1	Mesyuarat HEM	7/1				15/5			21/8			6/11	
2	Hari Orientasi Tahun 1 & Pra											28/11	
3	Lawatan (i-STAPP)				25/4								
4	Gotong Royong						13/6			26/9			
5	Peluncuran Jom Ke Sekolah	12/1											
6	Pelantikan Rasmi Pemimpin Kecil Sekolah	19/1											
7	Peluncuran Kelas 5 Star		2/2										
8	Pertandingan Kelas 5 Star		27/2	31/3	30/4	31/5	30/6	31/7	31/8	30/9	31/10		
9	Serahan BAP Tahun 1 /Cicir	16/1											
10	Sambutan Hari Raya SKDA				10/4								
11	Latihan Kebakaran					5/5					8/10		
12	Kem Sahsiah Kepimpinan HEM	24/1											
13	Slot 5 minit Unit Disiplin		10/2	10/3	7/4	12/5	9/6	7/7	11/8	8/9	6/10	3/11	
14	Pemulangan & Terimaan SPBT											24-25/11	
15	Majlis Apresiasi HEM (MAHEM)										30/10		
16	Hari Kanak-Kanak										30/10		
17	Jamuan Pemimpin Kecil											20/11	
18	Jamuan Perdana Akhir Tahun												2/12



SK DESA AMANPURI
Persiaran Perdana Kepong,
52100 Kuala Lumpur

Sesi 2026
**PENGURUSAN
UNIT
KOKURIKULUM
SEKOLAH**

#SeDAmaiD'hati
<https://www.skda.edu.my>

SECANGKIR UCAPAN Penolong Kanan Kokurikulum



Bismillahir-rahmanir-rahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat melangkah ke sesi persekolahan 2026 dengan azam dan tekad yang lebih tinggi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Buku Pengurusan Sekolah atas usaha gigih dalam mendokumentasikan panduan ini sebagai rujukan utama kita sepanjang tahun ini.

Bidang kokurikulum merupakan wadah penting dalam membentuk kemenjadian murid secara holistik, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui penyertaan aktif dalam Pasukan Badan Beruniform, Kelab dan Persatuan serta Sukan dan Permainan, kita bukan sahaja mencungkil bakat kepimpinan, malah membina jati diri, disiplin dan semangat kerja berpasukan dalam kalangan murid.

Bagi sesi 2026, fokus utama unit kokurikulum SK Desa Amanpuri adalah untuk meningkatkan kualiti penglibatan murid serta mencapai kecemerlangan dalam pelbagai peringkat pertandingan, sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Kita juga bertekad untuk memastikan sistem pengurusan data melalui Sistem PAJSK sentiasa dikemas kini secara sistematik demi masa depan kerjaya dan pendidikan murid-murid kita.

Saya menyeru kepada semua guru agar terus memberikan komitmen yang padu dan inovatif dalam mengendalikan aktiviti mingguan. Keikhlasan dan kreativiti guru-guru adalah tunjang utama dalam menarik minat murid untuk terus aktif dan kompetitif. Marilah kita bekerjasama sebagai satu pasukan demi melonjakkan nama sekolah di persada kecemerlangan kokurikulum.

Akhir kata, saya mendoakan agar segala perancangan yang telah diatur bagi tahun 2026 ini berjalan dengan lancar dan diberkati. Semoga usaha murni kita dalam mendidik anak bangsa sentiasa membuahkan hasil yang membanggakan.

Selamat menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

Sekian, terima kasih.

"KOKURIKULUM PEMANGKIN KEMENJADIAN MURID"



MARZUKI BIN ISMAIL
Penolong Kanan Kokurikulum
SK Desa Amanpuri

PERANCANGAN UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

MISI MAJLIS SUKAN SEKOLAH

Memberi wawasan yang sesuai kepada aktiviti kokurikulum supaya kurikulum dan kokurikulum boleh saling melengkapi dalam proses pendidikan di sekolah.


VISI MAJLIS SUKAN SEKOLAH

Menyediakan satu program yang lengkap, lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dengan penglibatan semua pihak dalam memberikan peluang kepada murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterjemahkan dalam hobi dan rekreasi, sukan dan permainan serta badan beruniform.

DASAR UTAMA PELAKSANAAN

1. Pelaksanaan Kegiatan kokurikulum di semua sekolah adalah wajib. (Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550))
2. Keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum iaitu suatu kesalahan yang jika disabitkan bersalah boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara atau kedua-dua sekali di bawah Penalti Am. (Seksyen 135 Akta Pendidikan 1996)
3. Penyertaan kehadiran dan pencapaian murid dalam kegiatan kokurikulum hendaklah direkodkan dan diberi penilaian. (Hal ini ditegaskan dalam perkara 8.2.1 SPI Bil. 1/1985 Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah dan Perkara 2.1 SPI Bil 2 1986 Rekod Kedatangan Dan Laporan Gerak Kerja Kokurikulum Pelajar)
4. Keengganan guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan adalah satu kesalahan daripada segi keperluan perkhidmatan atau kepatuhan dan kebertanggungjawaban penjawat awam ataupun moral dan wibawa keguruan yang boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut (Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan tata tertib (Bab D))
5. Penyertaan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum di sekolah. (Perkara 5.2 dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1985)

CARTA ORGANISASI PENGURUSAN KOKURIKULUM 2026



JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA INDUK KOKURIKULUM DAN SUKAN SEKOLAH

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
SU KOKURIKULUM 1	Prasana a/p Kalaiselvan	
SU KOKURIKULUM 2	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak	
SU SUKAN	Muhamad Azman bin Azahar	
AHLI JAWATANKUASA	Norhayati binti Abidin	Penyelaras Unit Beruniform
	Norhayati binti Abidin	TKRS
	Norhafizah binti Mohd Yusof	Pengakap
	Noredayati binti Mohd Shariff	PPT
	Aina Nabilah binti Muhamad Khalim	Tunas Pertahanan Awam (TUSPA)
	Kalaivani a/p Karunakaran	Penyelaras Kelab dan Persatuan
	Norfatin Nadzirah binti Hamidi	Kelab Kerjaya
	Amalina binti Mohd Nawawi	Kelab Pengguna
	Kalaivani a/p Karunakaran	Kelab Rukun Negara
	Sumathi a/p Murugappa Chettiar	Kelab Pencegahan Jenayah
	Azlina binti A Aziz	Kelab Doktor Muda
	Mashithah binti Awang	Persatuan PAIBA, Jawi & Khat
	Siti Noruhaida binti Dahari	Kelab STEM

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA INDUK KOKURIKULUM DAN SUKAN SEKOLAH

AHLI JAWATANKUASA	Erma Surianni binti Ramli	Penyelaras Sukan & Permainan
	Zahary Afandi bin Harith	Bola Sepak
	Aini Fazilah binti Abu Bakar	Bola Baling
	Nurdiana binti Yazid	Bola Jaring
	Erma Surianni binti Ramli	Olahraga
	Khairul Afif bin Ma'dee	Rumah Merak
	Zahary Afandi bin Harith	Rumah Helang
	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi	Rumah Enggang

JAWATANKUASA BADAN BERUNIFORM 2026

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK HEM
PENYELARAS	Norhayati binti Abidin	

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA (PPM)

KETUA GURU PENASIHAT	Norhafizah binti Mohd Yusof
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Khairul Afif bin Ma'dee
SETIAUSAHA	Norfatin Nadzirah binti Hamidi
AHLI JAWATANKUASA	Aini Fazilah binti Abu Bakar
	Siti Nabila binti Azman
	Kalaivani a/p Karunakaran
	Noor Afnie Aisyah binti Muhammad Apandi
	Nur Fatimah binti Abu Bakar
	Nur Rohidatul Quddus binti Shamsuddin Sah

PANDU PUTERI TUNAS (PPT)

KETUA GURU PENASIHAT	Noredayati binti Mohd Shariff
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Nor Kamilah binti Che Pa
SETIAUSAHA	Azlina binti A Aziz
AHLI JAWATANKUASA	Siti Noruhaida binti Dahari
	Nurdiana binti Yazid
	Sumathi a/p Murugappa Chettiar

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH (TKRS)

KETUA GURU PENASIHAT	Norhayati binti Abidin
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi
SETIAUSAHA	Erma Surianni binti Ramli
AHLI JAWATANKUASA	Nor Azira binti Ismail
	Prasana a/p Kalaiselvan

TUNAS ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (TUSPA)

KETUA GURU PENASIHAT	Aina Nabilah binti Muhammad Khalim
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Muhamad Azman bin Azahar
SETIAUSAHA	Mashithah binti Awang
AHLI JAWATANKUASA	Amalina binti Mohd Nawawi
	Zahary Afandi bin Harith

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

TANGGUNGJAWAB GURU PENASIHAT / PEMIMPIN BADAN BERUNIFORM

1. Mematuhi dasar pelaksanaan kokurikulum KPM dan sekolah serta pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan kokurikulum.
2. Memastikan Mesyuarat Agung diadakan bagi tujuan melantik Ahli Jawatankuasa dalam kalangan murid.
3. Memastikan Minit Mesyuarat dan Laporan Aktiviti disediakan dan difailkan.
4. Memastikan ada Perlembagaan dan Peraturan yang perlu dipatuhi oleh ahli-ahli.
5. Memastikan jawatankuasa menjalankan tugas seperti terkandung dalam Perlembagaan.
6. Memastikan aktiviti selaras dengan visi, misi, objektif dan matlamat KPM dan sekolah.
7. Merancang aktiviti tahunan dengan kerjasama murid.
8. Merancang strategi untuk peningkatan kecemerlangan Pasukan Badan Beruniform.
9. Mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka yang pakar.
10. Merancang meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat murid dalam Badan Beruniform.
11. Memastikan aktiviti yang dirancang berjalan mengikut takwim tahunan.
12. Menandatangani Buku PAJSK Kokurikulum.
13. Menghadiri perjumpaan atau mesyuarat yang berkaitan dengan unit yang diwakili.
14. Memastikan undang-undang berkaitan badan beruniform dipatuhi.
15. Memilih dan melatih pasukan sekolah mengikut jadual dan takwim kokurikulum sekolah.
16. Mengurus penyertaan murid-murid dalam kegiatan di peringkat sekolah/kawasan/daerah/ negeri dalam pertandingan, lawatan atau projek yang dijalankan.
17. Menguruskan pengangkutan untuk pasukan sekolah ke pertandingan luar.
18. Menguruskan surat kebenaran ibu bapa/penjaga untuk ke pertandingan luar sekolah.
19. Melapor dan merekodkan keputusan-keputusan pertandingan yang disertai.
20. Memastikan pengurusan kewangan dan harta benda/peralatan diurus dengan baik.
21. Mendaftarkan Badan Beruniform dengan pihak berkaitan.
22. Menyemai semangat kokurikulum Badan Beruniform dalam kalangan murid-murid.
23. Merekodkan nama murid dan pasukan yang cemerlang peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
24. Mengemaskini dan menyediakan info di Papan Kenyataan Badan Beruniform.
25. Memastikan tidak ada unsur subversif tersebar di kalangan ahli.
26. Mencadangkan nama ahli yang layak menerima Sijil Penghargaan kepada Jawatankuasa Kokurikulum Sekolah.
27. Menghadiri kursus dari semasa ke semasa untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran diri.
28. Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menjayakan sesuatu program.
29. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Besar dan PK Kokurikulum dari semasa ke semasa.

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA KELAB DAN PERSATUAN 2026

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
PENYELARAS	Kalaivani a/p Karunakaran	

KELAB KERJAYA

KETUA GURU PENASIHAT	Norfatin Nadzirah binti Hamidi
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi 7239
SETIAUSAHA	Nur Rohidatul Quddus binti Shamsuddin Sah
AHLI JAWATANKUASA	Aina Nabilah binti Muhammad Khalim edu.my

KELAB RUKUN NEGARA

KETUA GURU PENASIHAT	Kalaivani a/p Karunakaran
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Siti Nabila binti Azman
SETIAUSAHA	Nor Azira binti Ismail
AHLI JAWATANKUASA	Prasana a/p Kalaiselvan

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

KELAB PENCEGAHAN JENAYAH (KPJ)

KETUA GURU PENASIHAT	Sumathi a/p Murugappa Chettiar
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Nur Fatihah binti Abu Bakar
SETIAUSAHA	Zahary Afandi bin Harith
AHLI JAWATANKUASA	Erma Surianni binti Ramli

PERSATUAN PAIBA, JAWI & KHAT

KETUA GURU PENASIHAT	Mashithah binti Awang
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Noredayati binti Mohd Shariff
SETIAUSAHA	Nor Kamilah binti Che Pa
AHLI JAWATANKUASA	Khairul Afif bin Ma'dee

KELAB DOKTOR MUDA

KETUA GURU PENASIHAT	Azlina binti A Aziz
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Noor Afnie Aisyah binti Muhammad Apandi
SETIAUSAHA	Nurdiana binti Yazid
AHLI JAWATANKUASA	Muhamad Azman bin Azahar

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

KELAB PENGGUNA

KETUA GURU PENASIHAT	Amalina binti Mohd Nawawi
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Norhayati binti Abidin
SETIAUSAHA	Aini Fazilah binti Abu Bakar

KELAB STEM

KETUA GURU PENASIHAT	Siti Noruhaida binti Dahari
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak
SETIAUSAHA	Norhafizah binti Mohd Yusof
AHLI JAWATANKUASA	Marzuki bin Ismail

TANGGUNGJAWAB GURU PENASIHAT / PEMIMPIN KELAB & PERSATUAN

1. Mematuhi dasar pelaksanaan kokurikulum KPM dan sekolah serta pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan kokurikulum.
2. Memastikan Mesyuarat Agung diadakan bagi tujuan melantik Ahli Jawatankuasa dalam kalangan murid.
3. Memastikan Minit Mesyuarat dan Laporan Aktiviti disediakan dan difailkan.
4. Memastikan ada Perlembagaan dan Peraturan yang perlu dipatuhi oleh ahli-ahli.
5. Memastikan jawatankuasa menjalankan tugas seperti terkandung dalam Perlembagaan.
6. Memastikan aktiviti selaras dengan visi, misi, objektif dan matlamat KPM dan sekolah.
7. Merancang aktiviti tahunan dengan kerjasama murid.
8. Merancang strategi untuk peningkatan kecemerlangan akademik menerusi pelaksanaan Kelab dan Persatuan.
9. Mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka yang pakar.
10. Merancang meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat murid dalam Kelab dan Persatuan.

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

TANGGUNGJAWAB GURU PENASIHAT / PEMIMPIN KELAB & PERSATUAN

11. Memastikan aktiviti yang dirancang berjalan mengikut takwim tahunan.
12. Menandatangani Kad Perjumpaan Kokurikulum.
13. Menghadiri perjumpaan atau mesyuarat yang berkaitan dengan unit yang diwakili.
14. Memastikan undang-undang berkaitan Kelab dan Persatuan dipatuhi.
15. Memilih dan melatih pasukan sekolah mengikut jadual dan takwim kokurikulum sekolah.
16. Mengurus penyertaan murid-murid dalam kegiatan di peringkat sekolah/kawasan/daerah/ negeri dalam pertandingan, lawatan atau projek yang dijalankan.
17. Menguruskan pengangkutan untuk pasukan sekolah ke pertandingan luar.
18. Menguruskan surat kesihatan dan surat kebenaran ibu bapa/penjaga untuk ke pertandingan luar sekolah.
19. Melapor dan merekodkan keputusan-keputusan pertandingan yang disertai.
20. Memastikan pengurusan kewangan dan harta benda/peralatan diurus dengan baik.
21. Mendaftarkan Kelab dan Persatuan dengan pihak berkaitan.
22. Menyemai semangat kokurikulum Kelab dan Persatuan dalam kalangan murid.
23. Menilai prestasi pasukan sekolah dan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan pencapaian.
24. Mengemaskini dan menyediakan info di Papan Kenyataan Kelab dan Persatuan.
25. Memastikan tidak ada unsur subversif tersebar di kalangan ahli.
26. Mencadangkan nama ahli yang layak menerima Sijil Penghargaan kepada Jawatankuasa Kokurikulum Sekolah.
27. Menghadiri kursus dari semasa ke semasa untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran diri.
28. Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menjayakan sesuatu program.
29. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Besar dan PK Kokurikulum dari semasa ke semasa.

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA SUKAN DAN PERMAINAN 2026

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
PENYELARAS	Erma Surianni binti Ramli	

BOLA SEPAK

KETUA GURU PENASIHAT	Zahary Afandi bin Harith
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Khairul Afif bin Ma'dee
SETIAUSAHA	Nur Fatimah binti Abu Bakar
AHLI JAWATANKUASA	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak
	Prasana a/p Kalaiselvan

OLAHRAGA

KETUA GURU PENASIHAT	Erma Surianni binti Ramli
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Muhamad Azman bin Azahar
SETIAUSAHA	Amalina binti Mohd Nawawi
AHLI JAWATANKUASA	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi
	Siti Noruhaida binti Dahari
	Sumathi a/p Murugappa Chettiar

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

BOLA JARING

KETUA GURU PENASIHAT	Nurdiana binti Yazid
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Nor Azira binti Ismail
SETIAUSAHA	Kalaivani a/p Karunakaran
AHLI JAWATANKUASA	Noredayati binti Mohd Shariff
	Nor Kamilah binti Che Pa
	Aina Nabilah binti Muhamad Khalim
	Mashithah binti Awang

BOLA BALING

KETUA GURU PENASIHAT	Aini Fazilah binti Abu Bakar
PEN KETUA GURU PENASIHAT	Azlina binti A Aziz
SETIAUSAHA	Norhayati binti Abidin
AHLI JAWATANKUASA	Norfatin Nadzirah binti Hamidi
	Noor Afnie Aisyah binti Muhammad Apandi
	Norhafizah binti Mohd Yusof
	Siti Nabila binti Azman
	Nur Rohidatul Quddus binti Shamsuddin Sah

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

TANGGUNGJAWAB GURU PENASIHAT / PEMIMPIN KELAB SUKAN & PERMAINAN

1. Mematuhi dasar pelaksanaan kokurikulum KPM dan sekolah serta pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan kokurikulum.
2. Memastikan Mesyuarat Agung diadakan bagi tujuan melantik Ahli Jawatankuasa dalam kalangan murid.
3. Memastikan Minit Mesyuarat dan Laporan Aktiviti disediakan dan difailkan.
4. Memastikan ada Perlembagaan dan Peraturan yang perlu dipatuhi oleh ahli-ahli.
5. Memastikan jawatankuasa menjalankan tugas seperti terkandung dalam Perlembagaan
6. Memastikan aktiviti selaras dengan visi, misi, objektif dan matlamat KPM dan sekolah.
7. Merancang aktiviti tahunan dengan kerjasama murid.
8. Merancang strategi untuk peningkatan kecemerlangan Sukan dan Permainan.
9. Mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka yang pakar dan Sarana Ibubapa.
10. Merancang meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat murid dalam permainan.
11. Memastikan aktiviti yang dirancang berjalan mengikut jadual yang ditetapkan
12. Menandatangani Kad Kehadiran murid.
13. Menghadiri perjumpaan atau mesyuarat yang berkaitan dengan unit yang diwakili.
14. Memastikan undang-undang sukan dan perlawanan dipatuhi.
15. Memilih dan melatih pasukan sekolah mengikut jadual dan takwim kokurikulum sekolah.
16. Menganjurkan pertandingan sukan antara Rumah Sukan atau kelas di peringkat sekolah.
17. Mengurus penyertaan murid-murid dalam kegiatan di peringkat sekolah/daerah/negeri dalam pertandingan, lawatan atau projek yang dijalankan.
18. Menguruskan pengangkutan untuk pasukan sekolah ke pertandingan luar.
19. Menguruskan surat kebenaran ibu bapa/penjaga untuk ke pertandingan luar sekolah.
20. Melapor dan merekodkan keputusan-keputusan pertandingan yang disertai.
21. Menyediakan anggaran perbelanjaan untuk peralatan dan pengurusan.
22. Memastikan pengurusan kewangan dan harta benda/peralatan diurus dengan baik.
23. Menentukan peralatan dan kemudahan permainan sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan mencukupi untuk digunakan.
24. Mendaftarkan sukan dan permainan dengan pihak berkaitan. (jika ada)
25. Menyemai semangat kesukanan di kalangan pelajar.
26. Menilai prestasi pasukan sekolah dan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan pencapaian.
27. Merekodkan nama pemain-pemain dan pasukan yang cemerlang (johan daerah/negeri, wakil daerah/negeri dan negara)
28. Menentukan Papan Kenyataan digunakan dengan sepenuhnya.
29. Memastikan tidak ada unsur subversif tersebar di kalangan ahli.
30. Mencadangkan nama ahli yang layak menerima Sijil Penghargaan kepada Jawatankuasa Kokurikulum Sekolah.
31. Menghadiri kursus dari semasa ke semasa untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran diri.
32. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Besar dan PK Kokurikulum dari semasa ke semasa.

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA PASUKAN SUKAN SEKOLAH SK DESA AMANPURI 2026

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid

PASUKAN BOLA BALING

KETUA	Norhafizah binti Mohd Yusof
AHLI	Muhamad Azman bin Azahar
	Norhayati binti Abidin
	Nik Nur Afiqah binti Abdul Razak
	Nur Fatimah binti Abu Bakar

PASUKAN GIMNASTIK ARTISTIK

KETUA	Norfatin Nadzirah binti Hamidi
AHLI	Aina Nabilah binti Muhamad Khalim
	Zahary Afandi bin Harith

**JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM
SESI 2026**

**JAWATANKUASA PASUKAN SUKAN SEKOLAH
SK DESA AMANPURI 2026**

PASUKAN OLAHRAGA & MERENTAS DESA

KETUA

Muhamad Azman bin Azahar

AHLI

Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi

Zahary Afandi bin Harith

Aina Nabilah binti Muhamad Khalim

Nor Azira binti Ismail (Prasekolah)

Noor Afnie Aisyah binti Muhammad Apandi (PPKI)

Siti Nabila binti Azman (PPKI)

BBA 7239

SK DESA AMANPURI

www.skda.edu.my

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA PROGRAM/AKTIVITI KOKURIKULUM DAN SUKAN SK DESA AMANPURI 2026

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid

BIL	PERKARA	GURU PENYELARAS PROGRAM
1	Kejohanan Merentas Desa	Muhamad Azman bin Azahar
2	Kejohanan Sukan Tahunan	Muhamad Azman bin Azahar
3	Sukantara & Acara Awal	Muhamad Azman bin Azahar Semua Ketua Rumah Sukan
4	Latihan Rumah Sukan	Muhamad Azman bin Azahar Semua Ketua Rumah Sukan
5	Sukaneka Prasekolah & Sukaneka Tahap 1	Nor Azira binti Ismail Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi
6	Latihan Sukaneka Prasekolah & Sukaneka Tahap 1	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi Nor Azira binti Ismail Mazleyana binti Mansor Semua Guru Kelas Tahap 1
7	Kem Kepimpinan Kokurikulum	Prasana a/p Kalaiselvan
8	Perkemahan Perdana Unit Beruniform (PERFORM)	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi Badan Beruniform – Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS)
9	MTQ / Mahrajan Adni	Khairul Afif bin Ma'dee
10	Kem Bestari Solat (KBS) Fasa 1	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak
11	Kem Bestari Solat (KBS) Fasa 2	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA PROGRAM/AKTIVITI KOKURIKULUM DAN SUKAN SK DESA AMANPURI 2026

BIL	PERKARA	GURU PENYELARAS PROGRAM
12	Kem Cemerlang Jawi (KCJ) Fasa 1	Nur Fatimah binti Abu Bakar
13	Kem Cemerlang Jawi (KCJ) Fasa 2	Nur Fatimah binti Abu Bakar
14	Kem Literasi Jawi	Mashithah binti Awang
15	Perpaduan/ Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP)	Prasana a/p Kalaiselvan
16	Lawatan Sambil Belajar	Penyelaras Prasekolah SU Kokurikulum Penyelaras Unit Beruniform
17	Hari Sukan Negara	Muhamad Azman bin Azahar Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi
18	Bulan Kebangsaan	Erma Surianni binti Ramli
19	Majlis Apresiasi Kecemerlangan Kokurikulum	Prasana a/p Kalaiselvan Nik Nur Afiqah binti Abd Razak Penyelaras Badan Beruniform Penyelaras Kelab dan Persatuan Penyelaras Sukan dan Permainan
20	Minggu Kokurikulum	Prasana a/p Kalaiselvan Nik Nur Afiqah binti Abd Razak Penyelaras Badan Beruniform Penyelaras Kelab dan Persatuan Penyelaras Sukan dan Permainan

JAWATANKUASA UNIT KOKURIKULUM SESI 2026

JAWATANKUASA PROTOKOL MAJLIS/PROGRAM SK DESA AMANPURI 2026

PENGERUSI	Sazali bin Ismail	Guru Besar
TIMBALAN PENGERUSI	Marzuki bin Ismail	PK Kokurikulum
NAIB PENGERUSI 1	Junaida binti Ismail	PK Pentadbiran
NAIB PENGERUSI 2	Mohd Radzi bin Mohd Roslan	PK Hal Ehwal Murid
AHLI JAWATANKUASA	Muhamad Azman bin Azahar	Pengacara Majlis
	Erma Surianni binti Ramli	Teks Ucapan
	Nor Kamilah binti Che Pa	Persiapan Pentas 1
	Norhayati binti Abidin	Persiapan Pentas 2
	Norhafizah binti Mohd Yusof	Jurufoto 1
	Nik Nur Afiqah binti Abd Razak	Jurufoto 2
	Aini Fazilah binti Abu Bakar	Usher / Hadiah
	Mohamed Faizal bin Ahmad Puzi	Siaraya / PA Sistem 1
	Khairul Afif bin Ma'dee	Doa
	Norhafizah binti Mohd Yusof	Gegantung/Banner
	Penyelaras Program	Floor Manager

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PROTOKOL

1. Memastikan aturcara majlis rasmi sekolah mengikut protokol .
2. Memastikan surat-surat rasmi atau surat jemputan untuk sesuatu aturcara sekolah mengikut protokol.
3. Memastikan tempat duduk perasmii, guru besar, penolong kanan dan jemputan mengikut Susunan yang mengikut protokol.
